

**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PERASMIAN “JOM
MASUK UMS” 7 MAC 2009 DI KOMPLEKS KARAMUNSING, KOTA KINABALU
(2:00 petang)**

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Terima kasih pengacara majlis

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,
Alhamdulillah, Majlis yang kita adakan pada setiap tahun ini iaitu “Jom Masuk UMS” dapat jua diadakan bertempat di Kompleks Karamunsing Kota Kinabalu. Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Pengerusi Penganjur iaitu Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS di atas usaha melaksanakan program ini dengan kerjasama rapat BPA, PLUMS dan semua Sekolah yang terlibat.

Saya turut mengucapkan terima kasih kepada para tetamu kehormat, para Pengarah dan Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, badan-badan berkanun serta sektor swasta ke Pameran Pendidikan UMS kali ini. Saya juga mengalu-alukan sambutan dari para pelajar sekolah dan masyarakat awam yang berkunjung ke pameran pada kali ini.

Universiti dan ilmu tidak dapat dipisahkan. Malah universiti itu adalah menara atau pusat ilmu yang dicita-citakan sejak di bangku sekolah lagi. Begitu tingginya nilai ilmu itu, sehinggakan orang-orang dewasa pun masih menuntut ilmu di universiti melalui program sepanjang hayat yang ditawarkan oleh Universiti.

Ilmu pengetahuan itu adalah asas bagi setiap insan dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Ilmu yang diajar sama ada secara formal ataupun tidak formal merupakan aset yang penting dalam memandu seseorang itu ke jalan kejayaan. Ibarat kata pepatah “Ilmu sebagai Pelita Hidup,” dengan jelas menggambarkan betapa tanpa ilmu dalam kehidupan kita, umpama kita berjalan di tempat yang gelap. Jika hanya berharap pada pelita orang lain untuk memberi laluan ke

destinasi diperlukan, maka kita tidak mungkin akan mendapat jalan yang mudah. Justeru, kita perlukan ilmu untuk kita merintis kejayaan yang dihasratkan. Begitulah peri pentingnya ilmu dalam kehidupan harian kita.

Menyedari hakikat ini, maka UMS telah berusaha menganjurkan pelbagai aktiviti yang mendekatkan UMS dengan masyarakat khusus bagi menyalurkan ilmu pengetahuan dan memberikan galakan ke arah membudayakan pembelajaran berterusan di kalangan masyarakat Sabah. Sebagai salah sebuah universiti yang berpusat di Sabah, maka UMS memikul tanggungjawab, melatih dan meningkatkan tahap ilmu pengetahuan di kalangan penduduk di samping memberikan kemahiran tertentu.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah, penglibatan para pensyarah dan pelajar dengan aktiviti khidmat masyarakat sama ada yang terkandung dalam kurikulum mahupun ko-kurikulum di UMS, penganjuran majlis-majlis ilmu seperti seminar, bengkel dan persidangan serta mengadakan pameran pendidikan di dalam dan luar daerah Kota Kinabalu seperti yang sedang berlangsung pada petang ini.

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati,

Tidak keterlaluan jika saya nyatakan bahawa UMS merupakan pilihan terbaik untuk melanjutkan pengajian. Selain mempunyai kampus yang indah dengan fasiliti kelas pertama, kualiti akademik merupakan keutamaan kami sejajar dengan visi mencapai kecemerlangan dalam meningkatkan mutu pendidikan bertaraf antarabangsa. Selain itu juga faktor-faktor penarik (pull factor) bagi UMS adalah kerana kedudukannya yang strategik di utara Borneo yang memenuhi keperluan masyarakat sekitar Kepulauan Borneo. Selain penduduk setempat, masyarakat dari negara jiran seperti Brunei, Indonesia dan Filipina malahan juga dari China mempunyai kelebihan akses di negeri Sabah ini. Tambahan pula, dengan adanya kos penerbangan rendah seperti Air Asia yang telah memperbanyakkan penerbangan terus (*direct-flight*) ke Kota Kinabalu dari negara-negara yang disebutkan tadi.

Salah satu daripada antara kelebihan-kelebihan yang terdapat di UMS ialah berkaitan dengan skop penyelidikan dan kajian yang menumpu kepada sumber alam semulajadi. Sabah adalah sebuah negeri yang amat kaya dan masih terpelihara sumber alam semulajadinya. Sebagai contoh, kesemua 13 Sekolah dan 3 Institut Penyelidikan yang ditubuhkan di UMS menawarkan pelbagai bidang pengajian dan skop kajian yang berkaitan seperti yang disebutkan tadi. Sebagai contoh, Program Sains Marin, Akuakultur, Teknologi Tumbuhan (SST), Perladangan Hutan & Perhutani (SPTA), Sosiologi & Antropologi Sosial, Geografi (SSS), Pembangunan Belia dan Komuniti (SPKS) dan sebagainya. Kepelbagaian rekabentuk program ini merupakan konsep pengetahuan yang bersepadu antara dan multi-disiplin (*inter-related and multi-disiplin*) di UMS.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Sebagai mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah berusaha memastikan kejayaan penganjuran program ini. Kepada para pengunjung, jangan lepaskan peluang mengunjungi dan seterusnya mendapatkan maklumat terkini dan terperinci mengenai kursus-kursus yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah, Universiti kebanggaan kita bersama.

Maka dengan lafaz "Bismillahirrahman Nirrahim" saya dengan ini merasmikan "Jom Masuk UMS" bagi tahun 2009 ini.

Sekian wassalamualaikum wbt.

*Disediakan oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah
Diperkemas oleh jdBPK*